

22 AUG 1999

Kadir-Penerbangan

LEBIH BANYAK HAK MENDARAT KE SAUDI DALAM PERANCANGAN

Oleh: Mohd Rizal Razalli

JEDDAH, 22 Ogos (Bernama) -- Kerajaan Arab Saudi bersetuju pada dasarnya menambah hak pendaratan Penerbangan Malaysia (MAS) ke sini, langkah yang dilihat sebagai penting kerana lebih ramai rakyat negara itu dijangka berkunjung ke Malaysia di masa depan.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata Timbalan Perdana Menteri Arab Saudi yang juga Menteri Pertahanan Putera Sultan Abdul Aziz bersetuju menyegerakan permohonan Malaysia untuk menambah bilangan penerbangan MAS ke Lapangan Terbang Antarabangsa Jeddah.

MAS kini mengendalikan dua penerbangan seminggu bagi sektor Kuala Lumpur-Jeddah-Kuala Lumpur.

"Putera Sultan telah secara peribadi berjanji untuk campur tangan dalam perkara ini dengan berhubung sendiri dengan Jabatan Penerbangan Awam Saudi bagi mempercepatkan proses kelulusan," kata Abdul Kadir kepada Bernama selepas mengunjungi Putera Abdul Aziz di sini.

Abdul Kadir yang mengetuai lawatan ke tiga negara teluk iaitu Kuwait, Emiriyah Arab Bersatu dan Arab Saudi bagi mempromosikan pelancongan Malaysia, berkata Putera Sultan Abdul Aziz menyambut baik langkah Malaysia untuk meningkatkan bilangan penerbangan ke Jeddah bagi membolehkan lebih ramai rakyat negara itu melawat Malaysia.

"kesudian Putera Sultan Abdul Aziz membantu kita dalam perkara ini membuktikan sokongan penuh kerajaan Arab Saudi terhadap kesungguhan dan usaha keras kempen menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama di kalangan rakyat Arab Saudi," katanya.

Abdul Kadir juga berkata putera itu berkeyakinan penuh bahawa industri pelancongan Malaysia boleh dikembangkan di Arab Saudi dan akan terus menyokong dan bekerjasama dalam mana-mana projek pelancongan dan aktiviti yang dilakukan di negara ini.

"Saya juga memberitahu beliau mengenai rancangan berani Malaysia bagi melaksanakan promosi besar-besaran di Arab Saudi dengan bantuan agensi pelancongan," katanya.

Bilangan pengunjung dari Malaysia ke Arab Saudi jauh melebihi bilangan rakyat negara itu yang ke Malaysia.

"Antara 100,000 dan 200,000 rakyat Malaysia melawat Arab Saudi bagi mengerjakan Haji dan Umrah setahun, sedangkan bilangan rakyat negara itu yang melawat Malaysia lebih kecil dengan hanya antara 12,000 dan 15,000 orang setahun," katanya.

Abdul Kadir juga berkata beliau memberi taklimat kepada Putera Sultan Abdul Aziz mengenai perkembangan terkini keadaan politik dan ekonomi di Malaysia.

"Kita memberitahu mereka bahawa masalah ekonomi sudah pulih. Daripada segi politik, Barisan Nasional sedang berusaha memastikan kemenangan besar pada pilihan raya akan datang," kata Abdul Kadir.

Abdul Kadir juga mengulangi jemputan rasmi kerajaan Malaysia yang dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini kepada Putera Sultan Abdul Aziz untuk melawat Malaysia.

"Putera itu berkata beliau akan mencari masa yang paling sesuai untuk melawat Malaysia secepat mungkin," katanya.

Sebelum itu Abdul Kadir mengunjungi Dr Ibrahim Al Assof, Menteri Kewangan dan Ekonomi Kebangsaan bagi berbincang antara lain mengenai kerjasama dalam bidang pelancongan.

Ibrahim yang ditemui kemudian berkata Arab Saudi menyokong langkah pemulihan ekonomi Malaysia yang termasuk kawalan mata wang secara berpilih serta pengawalan terhadap spekulator kewangan dan mata wang.

-- BERNAMA

RIZ LAT MAI